


PROPHET DAVID'S CHILD
DR. MAHINDE MOHAMMAD

M
923.2595
MAH.M



**PROFAIL
DATO' SERI
DR. MAHATHIR MOHAMAD**

Pengenalan

Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 16hb. Julai, 1981, berikutan dengan kemenangan beliau secara tanpa bertanding menduduki kerusi Presiden UMNO Malaysia dalam perhimpunan badan tersebut pada 26 Jun, 1981. Kejayaan tersebut dicapainya setelah menempuh liku-liku perjuangan dalam politik tanahair.

Sifat-sifat jujur, amanah, dedikasi, berdisiplin dan dinamis, banyak mempengaruhi cara kepimpinan beliau. Walaupun masih baru menduduki jawatan Perdana Menteri, orang ramai dapat merasakan perubahan dalam 'style' kepimpinan Kerajaan Dato' Seri Dr. Mahathir.

Beliau mahu melihat segala pelaksanaan program-program Kerajaan berjalan dengan lancar di seluruh negara. Untuk mencapai hasrat murni itu, beliau mengarahkan supaya semua Menteri ikut terlibat secara langsung dalam bidang pelaksanaan, bukan mengawasi dasar-dasar sahaja. Jentera pelaksanaan Kerajaan, sama ada di peringkat Pusat atau pun Negeri pula dikerahkan supaya mengemaskin diri dan menjalankan kerja-kerja pelaksanaan dengan penuh dedikasi dan jujur, demi kepentingan seluruh rakyat.

Sifat-sifat mulia Dato' Seri Dr. Mahathir ini banyak dipengaruhi oleh latar belakang kehidupan beliau, sama ada semasa berada di samping keluarganya dahulu, atau pun dalam tempoh perjuangan beliau. Menerusi 'Profail Dato' Seri Dr. Mahathir' ini diharapkan kita dapat mengenali latar belakang kehidupan beliau itu sebagai pengetahuan kita bersama. Diharap juga, menerusi penerbitan buku ini, orang ramai dapat mempelajari cara perjuangan beliau sehingga beliau berjaya menjawat jawatan terpenting Negara kita, Perdana Menteri Malaysia.



1975 88
1975 88

Dato' Seri Dr. Mahathir, gambar sebaik sahaja beliau diumumkan sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat.

923.2595
MAIL P

301397
APB

13 OCT 1975
Perpustakaan
Majlis Perbandaran Kuala Lumpur

Rumah bersejarah di Kampong Seberang Perak, tempat Dato' Seri Dr. Mahathir dilahirkan.



antara ahli keturunan yang sama dengannya ialah Wan Mohamad Saman, orang yang memperkenalkan sistem terusan di Kedah yang namanya telah dirakamkan sebagai Terusan Wan Mohamad Saman.

Mahathir mula diperkenalkan kepada dunia persekolahan di Sekolah Melayu Seberang Perak. Beliau kemudiannya meneruskan pelajaran di Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Star. Dalam masa peperangan Jepun, Mahathir telah menggunakan masa yang ada padanya, dengan berniaga. Pada mulanya menjual cendul, diikuti dengan membuka kedai kopi dan kemudiannya membuka gerai buah-buahan di Pekan Rabu, Alor Star. Sifat-sifat amanah, jujur dan bersungguh-sungguh yang ada pada beliau telah dapat dilihat ketika itu lagi. Pada tahun 1945, beliau



Bergambar kenangan bersama keluarga ketika masih kanak-kanak. Dato' Seri Dr. Mahathir berdiri di kanan bapanya.

Kampung Seberang Perak, Alor Star, Kedah. Pada pagi Jumaat yang berkat, tanggal 20hb. Disember, 1925 bersamaan dengan 4hb. Jumadil Akhir, 1344 Hijrah, lahirlah seorang putera ke dunia ini. Putera itu kemudiannya dikenali sebagai "MAHATHIR". Ketika itu tidak siapa pernah menyangka bahawa suara tangisan dari bayi yang dilahirkan itu, satu hari nanti akan bergema di seluruh dunia, sebagai seorang negarawan yang dapat dibanggakan oleh bumi Malaysia.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang keempat, adalah anak bongsu hasil dari perkahwinan Mohamad bin Iskandar dan Wan Tempawan bte Wan Hanapi. Beliau mempunyai sembilan orang adek beradék kesemuanya; empat orang perempuan dan lima orang lelaki. Tiga orang dari mereka (dua lelaki dan seorang perempuan) adalah saudara sebapanya hasil perkahwinan Mohamad bin Iskandar dengan isteri terdahulu; sementara Mahathir bersama tiga orang kakak dan dua orang abangnya adalah saudara seibu dan sebapa.

Darah Pemimpin

Dilihat dari salasilah keluarga di sebelah ibunya, darah pemimpin yang mengalir di batang tubuhnya adalah warisan dari keturunan Wan Su iaitu Dato' Temenggong Kulut, Bukit Lada. Di

menyambung semula pengajiannya dan pada tahun 1947 telah melanjutkan pelajaran ke Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura.

Dato' Seri Dr. Mahathir berdiri no. 5 dari kanan, di barisan kedua bersama keluarganya di Kampong Seberang Perak.



namun ikatan beliau dengan ibunya tersangat rapat malah lebih rapat dari ayahnya; kerana itu Mahathir mengambil masa yang agak lama untuk menerima hakikat kehilangan ibunya. Lebih-lebih lagi sebagai anak bongsu, sudah tentulah Mahathir mendapat penuh kemanjaan dari ibunya, Allahyarhamah Wan Tempawan binti Wan Hanapi.

Berasaskan fahaman lama yang konservatif, Wan Tempawan tidak membenarkan Mahathir makan ikan kerana takutkan cacing kononnya. Didikan dan asuhan ibunya sangat berkesan kepada beliau. Hingga ke hari ini walau pun telah menjadi seorang doktor dan memahami bahawa petua ibunya adalah tidak benar, Mahathir tidak makan ikan kecuali ikan sardin, ikan kering dan ikan bilis. Demikianlah berkesannya didikan itu.

Yang melucukan dalam soal tidak makan ikan ini adalah sewaktu beliau melawat ke Bachok di masa mudanya. Ketika itu Mohamad Yaacob (sekarang YAB Dato' Mohamad Yaacob, Menteri Besar Kelantan) menjadi Pegawai Daerah di Bachok. Oleh kerana kawasan itu adalah kawasan nelayan; Mohamad Yaacob menghidangkan tetamunya, Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah dengan ikan yang baru dibawa naik dari laut. Untuk tidak mengecilkan hati sahabatnya, Mahathir pada waktu itu terpaksa memakan nasi berulamkan buah tembikai sahaja.

Menghormati Ayah

Mahathir sangat menghormati ayahnya Allahyarham *Master* Mohamad bin Iskandar. Ayahnya adalah anak Melayu pertama yang pernah diberikan jawatan Guru Besar Sekolah Inggeris. Sebagai seorang Guru Besar, penekanannya terhadap disiplin turut dikenakan kepada anak-anaknya. Mahathir sungguh bertuah, kerana sebagai anak bongsu dia mempunyai seorang ayah yang sudah matang di dalam hidup untuk mendidiknya. Ketika Mahathir dilahirkan ayahnya telah pun berusia 40 tahun.

Ayahnya mempunyai satu cara yang istimewa untuk menyampaikan mesej kepada anak-anaknya apabila ia pulang ke

Asas Pendidikan Agama

Institusi penting pendidikan di dalam menentukan kejayaan hidup seseorang insan yang sering dilupakan adalah di dalam keluarga dan rumah sendiri. Sebesar-besarnya guru dan pendidik di dalam hidup seseorang insan itu adalah kedua ibubapa kita sendiri. Adalah menjadi tuntutan di dalam pendidikan sesebuah keluarga Islam itu pula, bagi menyumbangkan pengetahuan serta amalan dunia dan akhirat. Untuk itu Mahathir telah diberikan asas-asas pendidikan agama oleh ibunya sendiri di peringkat awal dan kemudiannya diserahkan bersama-sama dengan abangnya, Mashor dan rakan sekolahnya Syed Ahmad Shahabuddin (sekarang Tari Sri) untuk berguru agama di peringkat yang lebih lanjut. Sebagai anak yang mengenang jasa orang tua dan institusi keluarganya, Mahathir amat menyedari hakikat ini.

Didikan Ibubapa

Mahathir sangat kaseh dan rapat dengan adek beradeknya. Kebijaksanaan didikan ibubapa mereka menghasilkan tali perhubungan yang sungguh erat di antara satu sama lain. Belum pernah di dalam hidupnya, beliau berselisih faham secara serius dengan adek beradeknya. Begitu juga halnya dari segi hubungan Mahathir dengan kedua ibu bapanya yang telah pun meninggal dunia. Walaupun Mahathir sangat dikenali sebagai seorang yang tegas dan berani di sebalik wajahnya yang sentiasa serius, tetapi semasa kematian ayahnya dalam tahun 1950 diikuti pula oleh ibunya dalam tahun 1966; Mahathir tidak dapat menyembunyikan perasaannya dan kelihatan begitu sedih sekali, malah semasa ibunya meninggal dunia beliau menangis teresak-esak.

Baginya, kematian ibunya itu sangat menyayat hati. Meskipun pada waktu itu, beliau telahpun beristeri dan mempunyai anak;



rumah. Setiap kali apabila dia sampai di longkang kecil di hadapan rumah mereka di Seberang Perak; dia akan batuk-batuk kecil menandakan dia sudah pulang. Anak-anaknya akan faham lalu mereka terus ke meja untuk mentelaah buku sekolah. Ayahnya adalah seorang yang bersifat lemah lembut tetapi tegas dan tidak banyak bercakap. Dia lebih banyak membuat pemerhatian terutamanya bila bertemu dengan orang-orang baru termasuklah dengan bakal menantunya Siti Hasmah bte Mohd. Ali.

Restu Orang Tua

Mahathir pula tidak akan membuat sesuatu tanpa restu dari orang tuanya. Perkahwinan beliau dengan Siti Hasmah walaupun merupakan pilihannya sendiri sewaktu sama-sama menuntut di Singapura; tetapi Mahathir berusaha untuk dapat memperkenalkan Siti Hasmah lebih dahulu kepada kedua orang tuanya sebelum mereka berkahwin. Di satu masa sewaktu beliau gagal dalam kertas *Obstetric and Gynaecology* di tahun akhirnya di Universiti Malaya Singapura (hingga beliau terpaksa mengulang pelajarannya selama enam bulan lagi); Mahathir awal-awal lagi menghantar telegram dari Singapura kepada orang tuanya untuk tidak mengeciwakan harapan yang tak mungkin dapat dipenuhinya itu.

Ayahnya sendiri berperanan besar dalam memupuk semangat perjuangan Mahathir. Semasa gerakan menentang Malayan Union, ayahnya telah memberikan sokongan kewangan kepada Mahathir untuk mencetak risalah dan poster *Anti Malayan Union*. Dari masa ke semasa galakan diberikan kepada Mahathir terutama dalam meningkatkan kesedaran beliau terhadap penindasan yang dilakukan oleh penjajah terhadap bangsanya.

Bapa Dato' Seri Dr. Mahathir, Master Mohamad Iskandar, anak Melayu pertama menjawat jawatan Guru Besar Sekolah Inggeris.

selepas bekerja dan sebelum pulang ke rumahnya sendiri setiap hari. Sewaktu Mahathir membuka klinik sendiri dan tinggal di Jitra (12 batu dari Alor Star), setiap hari beliau akan makan tengahari di rumah ibunya.

Percintaan

Kesah percintaannya dengan Dr. Siti Hasmah tidak kurang menarik. Pada masa itu, dalam tahun 1947, tidak ramai penuntut Melayu di Universiti Malaya Singapura. Di bidang perubatan hanya terdapat tujuh orang sahaja termasuklah Mahathir dan Siti Hasmah. Kawan-kawannya yang lain termasuklah Dato' Dr. Ariffin Marzuki (bekas Naib Cansellor UKM), Dr. Abd. Rahman Awang (Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan), Dr. Noralam Kassim (doktor Pergigian yang telahpun berhijrah ke luar negeri), Adnan Abdullah (Ketua Pengarah Kebajikan yang meninggalkan pengajian ilmu perubatan) dan Datuk Ahmad Redzuan (Ketua Pengarah Kastam - juga meninggalkan pengajian ilmu perubatan).

Sifat ramah tamah dan lemah lembut Siti Hasmah di samping kecantikan paras rupa kurniaan dari Allah s.w.t. sudah tentu meletakkan Siti Hasmah sebagai seorang gadis yang menjadi rebutan ramai. Oleh kerana pelajar-pelajar Melayu tidak ramai pada masa itu, kumpulan pelajar perubatan ini mempunyai perhubungan yang sangat rapat di antara satu sama lain. Mereka ke kuliah, ke perpustakaan dan mengulang kaji bersama-sama secara kumpulan. Sebagai pelajar wanita tunggal di dalam kumpulan itu Siti Hasmah tidak mempunyai pilihan, melainkan turut menyertai bersama mereka di dalam kumpulan ini.

Mahathir sebenarnya menaruh perasaan yang lebih dari seorang kawan terhadap Siti Hasmah. Oleh kerana latar belakang keluarganya yang konservatif di samping sifat pemalunya, Mahathir tidak menunjukkan hasratnya secara terbuka. Perasaannya dipendam dan api cintanya mula membara secara diam-diam.

Perjuangan Politik

Sejak tahun 1945 lagi Mahathir bergiat cergas di dalam kesatuan Pemuda Melayu Kedah, Kesatuan Melayu Kedah, SABERKAS dan akhirnya UMNO. Beliau telah menghadiri sebagai pemerhati di Kongres Pertubuhan-Pertubuhan Melayu yang mencadangkan penubuhan UMNO. Sewaktu beliau melanjutkan pelajarannya ke Singapura, bumi dan udara Singapura sedikit pun tidak mengubah semangat yang telah tertanam itu. Semasa di kampus universiti, beliau terus cergas melalui beberapa persatuan pelajar di mana beliau memegang jawatan sebagai Presiden Pertubuhan Pelajar Islam.



Di antara pertubuhan awal yang disertai oleh Dato' Seri Dr. Mahathir ialah SABERKAS. Dato' Seri duduk no. 3 dari kanan.

Betapa rapatnya hubungan Mahathir dengan ibunya dapat dilihat semasa ibunya masih hidup dan Mahathir telah menjadi doktor di Alor Star, Mahathir akan menziarahi ibunya dahulu



Hari yang paling mengembirakan hidup Dato' Seri Dr. Maha bila beliau dianugerahkan Ijazah Kedoktoran dari Universiti Malaya Singapura. Gambar kenangan bersama isteri tersayang, Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Bergambar kenangan sempena penganugerahan Ijazah Kedoktoran bagi Datin Seri Dr. Siti Hasmah.





Saat paling mendebarkan bagi kedua pasangan muda-remaja ialah bila menunggu hari disatukan, tetapi bila cincin disarung menunjukkan perhubungan mereka mendapat restu dari kedua orang tua.

Kebetulan Siti Hasmah tidak mempunyai asas yang kuat di dalam mata pelajaran fizik dan kimia, sementara Mahathir pula dikenali sebagai penuntut yang cekap dan bijak. Mahathir memainkan peranan utama dalam cuba membimbing kawan-kawannya di bidang pelajaran. Untuk itu Siti Hasmah seringkali mendapat tunjuk ajar dari Mahathir hingga terjalin pada akhirnya rasa cinta yang kemudiannya berakhir di jinjang pelamin. Mahathir dan Siti Hasmah telah diijabkabulkan untuk memulakan hidup sebagai suami isteri pada 5hb. Ogos, 1956.

Persandingan di antara Dato' Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah pada 5hb. Ogos, 1956.

Kejayaan

Mahathir berjaya menjadi seorang doktor setelah mendapat Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan. Dalam tahun 1953 Mahathir membuat *housemanship* di Hospital Besar, Pulau Pinang dan di antara tahun 1954 - 1956 Dr. Mahathir menjadi Pegawai Perubatan dan pernah bertugas di Hospital Besar Alor Star, Perlis dan Pulau Langkawi.

Tidak ramai yang tahu bahawa jari-jari tangannya adalah jari-jari yang mempunyai kesenian. Dr. Mahathir begitu berhasrat untuk dapat menggunakan jari-jarinya. Itulah sebabnya pada hari ini di samping menjadi Perdana Menteri, beliau mempunyai bengkel pertukangan tangannya sendiri di kediaman beliau. Beliau mampu membuat kaki lilin, lampu meja, rubber stamp, tempat abu rokok dan bermacam-macam lagi alat-alat *handicraft do it yourself*.



Dato' Seri Dr. Mahathir sedang sibuk di bengkel pertukangannya.

Falsafah Hidup

Di masa itu menjadi *freshie* (penuntut baru) di Kolej Perubatan amat menyulitkan di mana mereka terpaksa melalui proses *ragging* yang cukup teruk. Di antara pelajar-pelajar lama yang nakal mengusik penuntut-penuntut baru termasuklah Dr. Syed Mohamad Al-Hadi dan Tan Sri Dr. Majid (bekas Ketua Pengarah Perubatan Malaysia). Mereka sering menakut-nakutkan Mahathir dengan memasukkan tulang-tulang manusia yang di ambil dari makmal *anotomy* ke dalam kocek seluar atau baju Mahathir.

Mahathir hampir-hampir menarik diri dari menjadi pelajar perubatan ketika itu. Setelah berfikir panjang beliau bertanyakan dirinya sendiri, jika orang lain boleh buat; jika orang lain boleh berjaya, mengapa tidak dirinya. Itulah yang menjadi pegangan dan falsafah hidupnya, sehingga ke hari ini.

Hobi

Di samping menjadi seorang penuntut di Kolej Perubatan, Mahathir turut cergas di bidang sukan dan penulisan. Mahathir menyertai satu pasukan ragbi di Singapura dan pada masa yang sama beliau begitu rajin menghantar tulisan-tulisannya yang diterbitkan oleh Akhbar *The Sunday Times* pada masa itu. Idealismanya dapat dikesan dari bahan-bahan penulisan yang banyak dihasilkan oleh beliau dengan menggunakan nama 'CHE DET'. 'CHE DET' adalah nama timang-timangan Mahathir di kalangan keluarganya.

Di kampus sendiri beliau juga menjadi Ketua Pengarang kepada Majalah Kolej Perubatan. Sesungguhnya bakat penulisan dan ketajaman pena yang ada padanya telah dapat dikesan sejak beliau di bangku sekolah lagi di mana beliau telah diberikan kepercayaan menjadi Pengarang kepada Majalah 'Darulaman' terbitan Maktab Sultan Abdul Hamid di dalam tahun 1945.

takutkan masa hadapan mereka tidak terjamin. Abang iparnya telah membantu beliau secara moral dan material dan Dr. Siti Hasmah yang sangat faham dengan ketegasan suaminya turut bersama-sama membantu urusan pembelian kelengkapan MAHA klinik yang akan dibuka.

Ketika itu cuma terdapat lima buah klinik perubatan persendirian di Alor Star berbanding dengan 35 buah hari ini dan MAHA klinik merupakan klinik perubatan pertama yang diusahakan oleh anak Melayu.

Kepercayaan Orang Ramai

Hubungan dan kemesraan yang terjalin di antara pesakit yang dirawat dengan beliau, telah meningkatkan lagi keyakinan dan kepercayaan orang ramai kepadanya. Walaupun klinik MAHA adalah sebuah klinik swasta, namun bagi beliau perasaan kemanusiaannya yang sentiasa menaruh belas kasihan pada orang lain, tidak dapat diatasnya. Untuk itu beliau tidak begitu mengira sangat akan soal pembayaran, malah kepada setengah pihak beliau pula yang memberikan tambang dan wang di samping memberikan rawatan percuma. Ada pula yang mendapat rawatan secara berhutang dan hutangnya pula tidak dituntut.

Perkhidmatannya tidak terbatas di ruang klinik semata-mata. Tanpa mengira waktu sama ada di sebelah malam atau dinihari, rumahnya senantiasa dihubungi untuk mendapatkan rawatan. Adakalanya Mahathir terpaksa memboceng motosikal dan menaiki basikal untuk menemui pesakit yang memerlukan rawatan. Di klinik inilah gelaran Dr. UMNO mula dikenali sebagai namanya.

Pasangan Yang 'Loving'

Mahathir dan Siti Hasmah adalah pasangan suami isteri yang sangat *loving* (kasih-mengasih). Setiap tahun Dr. Mahathir akan membawa isterinya bercuti ke luar negeri sementara anak-anak mereka ditinggalkan di rumah orang tua Dr. Hasmah. Percutian




Dato' Seri Dr. Mahathir mempunyai kegemaran yang tersendiri. Masa lapangnya dihabiskan di bengkel belakang kediaman rasmi beliau di mana kerja-kerja pertukangan tangan diadakan.

Menurut cerita keluarganya, jari-jari berbakat seni itu, adalah diwarisi dari ibunya yang sangat terkenal kerana kecekapannya menganyam tikar.

Berdasarkan kebolehan itu Dr. Mahathir berminat untuk meneruskan kerjaya perubatannya dengan menjadi seorang pakar bedah (surgeon). Hasratnya tidak tercapai. Beliau telah tidak diberi sokongan untuk melanjutkan pelajarannya di bidang pembedahan.

Klinik MAHA

Setelah berfikir panjang, Dr. Mahathir membuat keputusan untuk membuka klinik sendiri dalam tahun 1957. Dr. Siti Hasmah terkejut malah menangis dengan keputusannya itu; kerana



pertama mereka di luar negeri adalah pada tahun 1960 di mana mereka ke Hong Kong selama seminggu. Adalah menjadi sifat Mahathir sejak perkahwinan mereka yang hanya mahu bercuti dan melawat ke luar negeri apabila isterinya dapat bersama-sama.

Anak Sulung

Kehidupan keluarga bertambah riang dengan bertambahnya bilangan ahli keluarga. Kelahiran anak sulung mereka Marina adalah sebagai seri penghias rumah tangga yang sedia bahagia ini. Malah kelahiran Marina adalah merupakan saat-saat yang paling menggembirakan dalam hidup Dr. Mahathir, yang amat kaseh dan sukakan kanak-kanak. Mahathir dan Siti Hasmah dikurniakan lima orang cahayamata, tiga lelaki dan dua perempuan hasil dari perkahwinan mereka.

Bersama Keluarga

Anak-anaknya kini telahpun besar, di samping itu beliau pula tersangat sibuk dengan tugas negara; Dr. Mahathir akan menentukan bahawa sewaktu makan, isteri dan anak-anaknya (semasa cuti sekolah dan universiti) ada bersama-sama.

Walaupun mereka sedar perbualan sewaktu makan kurang baik diamalkan namun itulah sahaja masa yang ada bagi keluarganya dapat bersama. Tajuk perbualan begitu umum dan menyeluruh; dari kesah kegemaran anak-anak membawalah kepada soal-soal politik. Beliau biasanya menyerahkan tajuk perbualan kepada anak-anaknya. Beliau akan melayani dan menjawab apa juar soalan yang ditimbulkan. Ada kalanya timbul pertentangan pendapat dan Mahathir sebagai ayah menerima hujah-hujah dari anak-anaknya secara terbuka walaupun tidak semestinya dipersetujui oleh beliau.

Kelahiran Marina dan Mirzan, anak sulung dan kedua mereka menambahkan lagi ikatan kasih sayang kedua pasangan Mahathir dan Siti Hasmah.

Beliau sedar anak-anaknya sering dijadikan sasaran kritik dari orang-orang yang tidak bersetuju dengannya. Sebagai seorang ayah timbul juga kerisauan di hati takut nanti perkara itu akan mengganggu fikiran anak-anaknya terutama bagi mereka yang masih belajar. Inilah nasib yang terpaksa diterima oleh beliau sebagai seorang negarawan yang telah menjadi *public figure*.


Semenjak dilantik menjadi Menteri pada tahun 1974, beliau mengelakkan diri dari membincangkan masalah yang dihadapinya dari isteri dan anak-anaknya. Namun sebagai orang yang begitu rapat di dalam hidupnya, Dr. Siti Hasmah dapat mengetahuinya, berdasarkan keresahan yang dapat dikesan dari tingkah lakunya di sebalik wajahnya yang kelihatan tenang. Malah pernah terjadi, Mahathir terbawa-bawa masalahnya semasa tidur, dan menyebut sesuatu di dalam tidurnya ketika menghadapi masalah yang besar.

Berjiwa Sentimental

Semenjak menjadi Menteri Dr. Mahathir pernah menangis beberapa kali. Berita kematian Allahyarham Tun Razak begitu menyentuh hati kecilnya. Beliau menangis dan tidak dapat menahaninya walaupun di hadapan khalayak ramai. Hingga beberapa bulan selepas itu bila mengenangkan Allahyarham Tun Razak, kehibaannya dapat dilihat; suaranya menjadi sebak dan air matanya kelihatan berlinang; emosinya terjejas. Kaseh sayangnya kepada Allahyarham Tun sangat mendalam.

Peristiwa kapalterbang yang terhempas di Tanjung Kupang bulan Disember, 1977 turut menyentuh emosinya. Apabila berita itu disahkan oleh mendiang Tan Sri Manickavasagam, Dr. Mahathir menangis di rumahnya hinggakan sewaktu sarapan pada pagi esoknya Dr. Mahathir masih menangis dan kemuraman jelas

Dato' Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah bersama keluarga. Duduk bersama mereka, anak bongsu, Mukriz (17 tahun). Berdiri dari kiri Mirzan (23 tahun anak kedua), Melinda (21 tahun anak ketiga), Marina (24 tahun, anak sulung) dan Mohzani (20 tahun anak keempat).



sama ada di kediaman rasminya di Kuala Lumpur baikpun di rumah sendirinya di Pondok Maharizan, Alor Star, Dr. Mahathirlah yang bertanggungjawab memilih perabut rumah, kain langsir dan lain-lain alatan kecuali di bahagian dapur yang tidak dibenarkan oleh Dr. Siti Hasmah untuk beliau campurtangan.


Sebagaimana beliau mementingkan hiasan di dalam rumah begitulah juga di luar rumahnya. Pada masa-masa lapang beliau akan bersama-sama tukang kebunnya menanam bunga dan mengandam pokok-pokok. Oleh kerana kepercayaannya untuk membuat sesuatu dengan jayanya, beliau sendiri telah menghantar tukang kebunnya ke Singapura untuk mempelajari cara-cara menjaga dan menghiasi taman.

Mempunyai seorang isteri yang bekerja (sebelum Dr. Siti Hasmah bersara) dan sebagai seorang Perdana Menteri, sudah tentulah mereka mempunyai orang gaji serta kakitangan pembantu untuk menguruskan rumah. Kepada Dr. Mahathir, beliau masih mahukan masakan isterinya sendiri. Masakan kegemarannya adalah masakan-masakan Melayu terutamanya kari serta udang rebus bersama air asam. Dalam pada itu setelah ibunya meninggal dunia; kerinduan Mahathir kepada masakan ibunya telah diisi dengan masakan oleh kakak kesayangannya.

Waktu di Rumah

Kepadanya masa adalah amat berharga. Beliau biasanya bangun pagi dan suka bekerja di sebelah pagi. Selepas menunaikan sembahyang subuh' beliau membuat gerakan jasmani dan selepas mandi masa itu akan digunakan untuk menulis.

Dr. Siti Hasmah amat faham akan telatah ini dan pada waktu tersebut Dr. Mahathir tidak akan diganggu. Biasanya Dr. Siti Hasmahlah yang akan menolong mengumpulkan bahan-bahan penulisan tersebut. Sebenarnya masih banyak bahan-bahan penulisan Dr. Mahathir yang masih belum diterbitkan.



Berada di sisi isteri di waktu-waktu rehat begini dapat menenangkan fikiran setelah seharian menghadapi tugas negara.

terukir di wajahnya, apatah lagi kawan-kawannya sendiri terlibat menjadi mangsa peristiwa sedeh itu.

Sekali lagi rakyat berkesempatan melihat Dr. Mahathir menitiskan airmatanya sewaktu sambutan yang diadakan di Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Star untuk menyambut kemenangan beliau di dalam pilihanraya umum 1978. Kali ini tangisannya adalah tangisan kegembiraan, tangisan kesyukurannya ke hadrat Allah Subhanahuwataala yang telah memberikan kemenangan kepadanya di tengah-tengah taburan fitnah yang dibuat semasa kempen pilihanraya diadakan.

Hiasan Rumah

Kalau tadi disebutkan kebolehan Dr. Mahathir di bidang pertukangan tangan, beliau juga berminat di bidang *interior decoration*,



Sebagai seorang pemimpin negara, rumah Dato' Seri Dr. Mahathir senantiasa dikunjungi oleh segenap lapisan rakyat di hari-hari perayaan seperti Hari Raya.

Bagi Mahathir seorang pemimpin itu perlu mempunyai pengetahuan dan fahaman yang mendalam di dalam apa jua tugas yang diamanahkan. Untuk itu proses pembelajaran dan penerokaan ke arah ilmu pengetahuan adalah satu proses yang berterusan.

Liku-Liku Perjuangan

Sebelum sampai ke puncak pimpinan, Mahathir sebenarnya telah melalui liku-liku perjuangan yang penuh dengan pelbagai cabaran dan tekanan sejak tahun 1945 lagi. Kewibawaan beliau di arena politik kebangsaan mula disedari pada awal tahun 1964, setelah dipilih menjadi Ahli Parlimen bagi kawasan Kota Star Selatan. Keberaniannya menyuarakan pandangan dan pendapat secara bernes dan terbuka di Parlimen telah menjadi Mahathir seorang Ahli Parlimen yang sangat dihormati.



Dua orang kakak' kesayangan Dato' Seri Dr. Mahathir yang dapat menggantikan tempat ibu yang telah lama pergi, Puan Hafsa (kiri) dan Puan Rafeah.

Bila berada di rumah Dr. Mahathir mengambil sarapannya di serambi kediaman mereka, di samping menghirup udara pagi, jiwanya menjadi riang mendengar bunyi-bunyi burung di sekitar kediamannya. Selepas sarapan beliau akan menyambung kerja-kerja penulisannya hingga jam 7.30 pagi bila beliau meninggalkan rumah untuk ke pejabat.

Di sebelah malam jika tidak ada acara di luar rumah, beliau biasanya menyambung kerja-kerjanya selepas makan malam. Sebelum tidur adalah menjadi amalan baginya untuk membaca. Membaca adalah salah satu kegemarannya. Hampir di setiap lapangan terbang beliau akan membeli buku untuk dibaca semasa di dalam penerbangan. Semasa perjalanan berkereta pula beliau membawa cassette player dan melalui cara inilah beliau cuba mempelajari Bahasa Jepun dan Perancis.

Hikmah

Bahawa apa juga yang berlaku semuanya adalah dengan kehendak Allah s.w.t. yang Maha Adil dan Maha Mengetahui. Kekalahannya di dalam pilihanraya dan pemecatannya dari menjadi ahli parti itu, mempunyai hikmah yang tersendiri, untuk Mahathir kemudiannya menjadi seorang pemimpin yang lebih cekal, jitu, gagah dan mantap.

Kata pepatah 'Tidak Ke Mana Seluang Melaut'. Pada tahun 1972, Mahathir kembali ke dalam UMNO dan telah dilantik menjadi Ahli Dewan Negara pada tahun 1973. Bila pilihanraya umum diadakan pada tahun 1974, beliau telah menang tanpa bertanding di kawasan Kubang Pasu dan kemudiannya dilantik menjadi Menteri Pelajaran Malaysia pada 6hb. September 1974.

Kecenderungan dan penglibatannya di alam pendidikan bukanlah perkara baru. Mahathir adalah Pengurus Majlis Pelajaran Tinggi yang pertama bila ianya ditubuhkan pada tahun 1968. Pada tahun 1972, beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi. Beliau pernah dilantik menjadi Ahli Universiti Court, Majlis Universiti Malaya dan pada 1hb. April, 1974 dilantik pula sebagai Pengurus Majlis Universiti Kebangsaan. Setiap pendedahan ini telah dapat meletakkan Dr. Mahathir sebagai seorang Menteri Pelajaran yang diperakui kebolehannya.

Maha Kaya Allah yang lebih mengetahui di atas segalanya. Tanggal 5hb. Mac. 1975, 18 bulan selepas diberikan kesempatan menyertai kabinet, di atas kepercayaan Dato (Tun) Hussein Onn ketika itu, Dr. Mahathir telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang keempat.

Di dalam rombakan kabinet yang diadakan pada 1hb. Januari 1978, beliau telah melepaskan portfolionya di Kementerian Pelajaran dan ditugaskan memegang portfolio di

Dato' Seri Dr. Mahathir meraikan tetamunya di satu majlis yang diadakan di kediaman rasmi beliau.

Tidak ada kuasa yang dapat menghalang suratan takdir yang telah ditentukan oleh Illahi. Mahathir telah dikalahkan di dalam pilihanraya umum 1969 diikuti pula dengan pemecatannya dari menjadi ahli UMNO.





Sebagai ketua Kerajaan, Dato' Seri Dr. Mahathir memang sentiasa sibuk menjalankan tugas rasmi. Kelihatan beliau tiba di upacara pembukaan rasmi khemah kerja Bella Islam di Port Dickson.

Sebenarnya pendedahan beliau di dunia antarabangsa, telah bermula lebih awal dari ini. Pada tahun 1964, Dr. Mahathir telah dipilih sebagai Pengurus Jawatankuasa Setiakawan Afro Asia bagi Malaysia, dan pada tahun 1965 beliau telah bersama-sama menyertai perwakilan Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu. Beliau juga mempunyai kesempatan menyertai Seminar Hal Ehwal Antarabangsa di Universiti Harvard, Amerika Syarikat di dalam tahun 1967.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di dalam kabinet Dato (sekarang Tun) Hussein Onn.

Selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian, beliau dari masa ke masa mengetuai misi perdagangan negara untuk menggalakkan pelaburan dari negara-negara perindustrian. Kunjungan dan lawatan seumpama ini telah memberikan beliau pendedahan yang luas di peringkat antarabangsa.

Di dalam persidangan Ketua-Ketua Negara Islam di Taif pada bulan Januari, 1981, beliau telah diberikan penghormatan untuk mewakili YAB Perdana Menteri ketika itu.



Dato' Seri Dr. Mahathir di sidang akhbar mengistiharkan kabinet pertama beliau.



Dato' Seri Dr. Mahathir sedang menerima anugerah dari D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Perak, Darjah Seri Paduka Cura Si Manjakini (SPCM) yang membawa gelaran Dato' Seri.

Penghargaan

Sebagai penghargaan di atas perkhidmatan dan jasa beliau, Dr. Mahathir telah dianugerahkan Darjah Seri Setia di-Raja Kedah (SSDK) pada 8hb. Jun, 1977 oleh DYMM Sultan Kedah, Darjah Seri Setia Ahmad Shah Pahang (SSAP) oleh kebawah DYMM Sultan Pahang pada 24hb. Oktober, 1977, Darjah Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) oleh DYMM Sultan Selangor pada 8hb. Mac, 1978, Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (SPMJ) oleh DYMM Sultan Johor pada 28hb. Oktober, 1979, Dato' Patinggi Darjah Kenyalang Sarawak (DP) oleh TYT Yang Dipertua Negeri Sarawak pada 1hb. Julai, 1980, Darjah Utama Pangkuhan Negeri (DUPN) oleh TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada 16hb. Julai, 1981, Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPBK) oleh TYT Yang Dipertua Negeri Sabah pada 10hb. September, 1981 dan Darjah Seri Paduka Cura Si Manjakini (SPCM) oleh DYMM Sultan Perak pada 15hb. September, 1981.

Tanggal 16hb. Julai, 1981, bersamaan 13 Ramadhan 1401 Hijrah, merupakan tarikh penuh sejarah dalam hidup YAB Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Pada tarikh ini beliau telah diamanahkan untuk memikul tanggungjawab bagi memimpin setiap rakyat di negara ini.

Dalam usianya yang telah mencapai 55 tahun ini, cabaran yang dihadapi makin meningkat. Menurut amalan biasa di dalam perkhidmatan Kerajaan, usia 55 tahun adalah usia persaraan, usia untuk berehat; usia di mana beban dan tanggungjawab semakin ringan, usia di mana lebih banyak masa dapat ditumpukan di rumah, bersama keluarga, isteri dan anak cucu.

Bagi Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sudah tentu berlainan sekali. Malah usia ini adalah usia yang lebih mencabar, usia yang lebih memerlukan tenaganya dalam tahap kedua ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Usia ini memerlukan pengorbanan dan sumbangan yang lebih darinya. Usianya kini lebih diminta oleh rakyat dan Negara untuk terus memimpin, walaupun ini ber-

makna pengorbanan isteri dan anak-anaknya diperlukan. Tenaga, fikiran, kewibawaan, malah diri dan batang tubuhnya adalah untuk rakyat yang dipimpinnya dan yang diahagakan pimpinannya.

Sempena perlantikan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat, kaum rakyat Malaysia menadah tangan memohon limpah rahmat Allah Subhanahuwataala untuk memanjangkan usia Dato': semoga diberikan kekuatan yang berterusan dan dikukuhkan iman dalam usaha memajukan rakyat dan Negara ini.

**"MEKARLAH DIKAU BUNGA BANGSA
UNTUK MENJADI SUNTINGAN DUNIA"**

**APAKAH SUMBANGAN ANDA KEPADA
AGAMA DAN NEGARA?**

13 OCT 1983



Disusun oleh: Mohd. Annuar Zaini
Suntingan Murtadza Mohd. Kasim Bahagian Penerbitan dan
Rekaletak Bahagian Pengeluaran Visual, Jabatan Penerangan.